



JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
جَابِلْتَانْ پَنْدَاكْوَانْ سِيَارِيَاھ نِيْغَرْي سَمْبِيلَانْ

PELAN ANTIRASUAH

JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH
NEGERI SEMBILAN

2023-2027

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH
NEGERI SEMBILAN**

Aras 11, Menara MAINS,
Jalan Taman Bunga,
70100 Seremban
Negeri Sembilan Darul Khusus

06-761 4077

jpens@ns.gov.my

PERUTUSAN KETUA PENDAKWA SYARIE



*Assalamualaikum Warahmatullahi
Wabarakatuh dan salam sejahtera.*

Alhamdulillah, setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah dan izinnya jua, maka Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) telah melaksanakan suatu dasar dan keperluan yang telah ditetapkan di peringkat Negeri bagi memantapkan tadbir urus terutama dari aspek pengurusan perundangan Jenayah Syariah. Segala isu atau konflik yang timbul dalam berinteraksi dengan perundangan, risiko, kelemahan governans, dan cara mengatasi permasalahan hendaklah didokumenkan demi meningkatkan mutu dan kualiti penyampaian Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan.

Saya berharap Dokumentasi Pelan OACP JPeNS 2023-2027 ini hendaklah difahami dan dihayati oleh setiap warga JPeNS supaya penyampaian perkhidmatan terutama mengenai aspek pengurusan dan perundangan dapat dilaksanakan dengan

telus dan berakauntabiliti. Pelan OACP JPeNS 2023-2027 ini juga merupakan mekanisme bagi mewujudkan kawalan dalaman yang membolehkan sumber-sumber organisasi diarah, dipantau dan diukur untuk mengurangkan karenah birokrasi serta mencegah perlakuan rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan.

Inilah hasrat JPeNS sebagai sebuah Institusi perundangan Syariah yang sewajarnya berintegriti dan terpelihara daripada amalan rasuah. Larangan budaya rasuah adalah jelas di dalam al-Quran sebagaimana firman Allah SWT dalam surah al-Baqarah ayat 188 yang bermaksud:

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya)”.

Akhir kata, saya merakamkan ucapan terima kasih kepada Unit Integriti SUK Kerajaan Negeri Sembilan atas usaha mengadakan latihan dan bengkel pembentukan Pelan OACP kepada Pegawai JPeNS yang terlibat serta tahniah dan syabas juga kepada pihak pengurusan tertinggi JPeNS, Ahli Jawatankuasa OACP JPeNS, dan seluruh warga JPeNS serta semua pihak yang terlibat dalam membangunkan OACP ini. Semoga usaha murni ini menjadi pemangkin dalam memartabatkan Perundangan Jenayah Syariah Negeri Sembilan.

Sekian, terima kasih.

YM TUAN RAJA MAZELAN BIN RAJA DERAMAN

Ketua Pendakwa Syarie
Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan Darul Khusus

RINGKASAN EKSEKUTIF

OACP JPENS 2023-2027 disediakan selaras dengan Pelan Antirasuah Nasional yang dilancarkan pada 29 Januari 2019 oleh YAB Tun Dr. Mahathir Mohamad, Mantan Perdana Menteri serta Arahan YAB Perdana Menteri Siri 2 No. 1 Tahun 2019 berkaitan dengan Pemantapan Governans, Integriti dan Rasuah dalam Pengurusan Pentadbiran Kerajaan Malaysia.

OACP JPENS 2023-2027 ini merupakan rujukan lengkap untuk semua warga kerja supaya setiap individu dapat memberikan komitmen dalam melaksanakan inisiatif pelan tindakan bagi mencapai sasaran sebagai sebuah organisasi bebas rasuah dan berintegriti.

OACP JPENS 2023-2027 ini dibahagikan kepada 6 bab iaitu Pengenalan, Cabaran Menangani Rasuah, Analisis Data, Pelan Tindakan dan Inisiatif, Mekanisme Pemantauan dan Penilaian serta Kesimpulan.

BAB 1

Merupakan Pengenalan bagi menjelaskan secara ringkas maklumat korporat JPENS sebagai sebuah organisasi yang bertanggungjawab dalam pelaksanaan pendakwaan kes jenayah Syariah.

BAB 2

Memfokuskan kepada Cabaran Menangani Rasuah yang dihadapi oleh JPENS. Bengkel Pembangunan OACP telah dilaksanakan dengan bimbingan oleh Unit Integriti SUK bagi memberi panduan dan hala tuju pembangunan pelan ini.

BAB 3

Merupakan Analisis Data daripada data-data yang terkumpul seperti laporan SPRM, laporan audit dan kajian soal selidik.

BAB 4

Menghuraikan Pelan Tindakan dan Inisiatif bagi dua bidang keutamaan iaitu Pentadbiran & Perolehan Awam dan Perundangan. Daripada 2 bidang keutamaan ini, 2 strategi telah dikenal pasti iaitu Memperkukuh dasar dan tadbir urus JPENS dan Meningkatkan Keberkesanan Perundangan Syariah. Strategi ini seterusnya menjurus kepada 5 objektif strategik yang merangkumi 33 inisiatif yang akan dilaksanakan dalam tempoh lima tahun akan datang.

BAB 5

Menjelaskan Mekanisme Pemantauan dan Penilaian OACP melalui inisiatif yang dibuat untuk mengenal pasti risiko dan jurang supaya dapat diselaraskan dengan sewajarnya untuk mencapai objektif yang dihasratkan.

BAB 6

Menggambarkan komitmen JPENS dalam menyokong Kerajaan untuk menangani isu rasuah, integriti dan tadbir urus melalui inisiatif yang digariskan di dalam OACP ini.

ISI KANDUNGAN

Perutusan Ketua Pendakwa Syarie	1
Ringkasan Eksekutif	2
Isi Kandungan	3
BAB 1: PENGENALAN	4
Latar Belakang JPcNS	4
Fungsi dan Peranan	5
Visi, Misi dan Objektif JPcNS	6
BAB 2: CABARAN MENANGANI RASUAH	7
Elemen Antirasuah	8
Gejala Rasuah Dalam Organisasi	8
Kepentingan Perancangan Senario	9
Senario Masa Hadapan	9
Bidang-Bidang Berisiko	10
BAB 3: ANALISIS DATA	11
Dapatan Laporan SPRM	11
Dapatan Laporan Audit	12
Dapatan Soal Selidik	12

BAB 4: PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF	13
Kerangka OACP – Visi,Misi,Matlamat, Bidang Keutamaan dan Strategi	13
Bidang Pentadbiran	14
Bidang Perolehan Awam	16
Bidang Pengurusan Penyelidikan	18
BAB 5: MEKANISME PEMANTAUAN DAN PENILAIAN	21
Jawatankuasa Antirasuah (JAR) SUK Negeri Sembilan	21
Jawatankuasa Antirasuah (JAR) JPcNS	21
Pelaksanaan OACP	21
Penilaian OACP	21
Mekanisme Penilaian	22
Jawatankuasa Pelan Antirasuah Organisasi	22
BAB 6 : KESIMPULAN	23
Penghargaan	23
Gambar Bengkel	24

“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta (orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah) kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”

(Surah al-Baqarah: 188)

BAB 1

PENGENALAN

LATAR BELAKANG JPeNS

SEJARAH PENUBUHAN JPeNS

- ◆ Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) dahulunya merupakan Bahagian Pendakwaan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS). Pengasingan dan pengiktirafan sebagai sebuah Jabatan baharu di bawah pentadbiran Kerajaan Negeri Sembilan ini berdasarkan keputusan:
 - i. Mesyuarat Jemaah Menteri yang bersidang pada 20 Mac 2015
 - ii. Mesyuarat Majlis Kebangsaan bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia (MKI) kali ke 56 pada 16 Januari 2016.
 - iii. Mesyuarat Majlis Agama Islam (MAINS) kali ke 225.
 - iv. Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMK) pada 7 Disember 2016.
- ◆ Pengasingan dan pengiktirafan ini juga dilaksanakan selepas mendapat perkenan ke bawah D.Y.M.M Yang Di-Pertuan Besar Negeri Sembilan, Y.T.M Undang Yang Empat dan Y.T.M Tunku Besar Tampin.
- ◆ Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) ditubuhkan secara rasminya pada 1 Januari 2018 dengan dibekalkan kod PTJ sendiri dan diketuai oleh Ketua Pendakwa Syarie.
- ◆ Terdapat empat (4) Bahagian di Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) bagi memantapkan perjalanan operasinya iaitu:
 - i. Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan (BPPR)
 - ii. Bahagian Pendaftaran, Rekod dan Dokumentasi (BPRD)
 - iii. Bahagian Penyelidikan Perundangan (BPP)
 - iv. Bahagian Khidmat Pengurusan (BKP)

FUNGSI DAN PERANAN

Jabatan Pendakwaan Syariah Negeri Sembilan (JPeNS) mempunyai empat (4) bahagian yang menjadi tunjang bagi menggerakkan segala urusan yang melibatkan hal ehwal pentadbiran dan pendakwaan.



BAHAGIAN PERUNDANGAN, PERBICARAAN & RAYUAN

Mengendalikan pendakwaan, memberikan nasihat, arahan pendakwaan, menjalankan perbicaraan dan rayuan kes-kes jenayah di Mahkamah Syariah.



BAHAGIAN PENDAFTARAN, REKOD & DOKUMENTASI

Mengurus, merekod dan menyelaras fail-fail perundangan dan pentadbiran serta mengawal selia dokumentasi Jabatan.



BAHAGIAN PENYELIDIKAN PERUNDANGAN

Melaksanakan penyelidikan undang-undang yang komprehensif dan bersistematik bagi menghasilkan kajian dan pandangan undang-undang yang tepat serta pengurusan pusat sumber.



BAHAGIAN KHIDMAT PENGURUSAN

Memberikan perkhidmatan pengurusan sumber manusia, kewangan, teknologi maklumat dan pentadbiran.

VISI, MISI & OBJEKTIF JPeNS

✓ VISI

MENJADI AGENSI BERWIBAWA DALAM MEMPERKASAKAN PENDAKWAAN SYARIAH

✓ MISI

MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH DI NEGERI SEMBILAN BERLANDASKAN UNDANG-UNDANG DAN HUKUM SYARAK DENGAN ADIL, BERKUALITI DAN BERINTEGRITI MELALUI PEMANTAPAN TADBIR URUS ORGANISASI

✓ OBJEKTIF

- 1) MELAKSANAKAN PENGURUSAN PENDAKWAAN SECARA SISTEMATIK, TERATUR DAN EFISIEN
- 2) MEMASTIKAN PENDAKWAAN KESALAHAN JENAYAH SYARIAH DIKENDALIKAN SECARA TELUS, ADIL DAN SAKSAMA BERDASARKAN HUKUM SYARA' DAN PERUNTUKAN UNDANG-UNDANG
- 3) MENYAMPAIKAN INFORMASI DAN KEFAHAMAN UNDANG-UNDANG JENAYAH SYARIAH KEPADA MASYARAKAT

PEMBERI DAN PENERIMA RASUAH

Diriwayatkan daripada Abdullah bin 'Amr R.Anhuma, Rasulullah SAW bersabda:

Maksudnya: "Laknat Allah kepada pemberi rasuah dan penerima rasuah."

Riwayat Ahmad (6984) dan Ibnu Majah (2313)

ELEMEN ANTI RASUAH

Isu rasuah wujud dalam pelbagai keadaan tanpa mengira status atau kedudukan individu yang menerima atau memberi. Tekanan ekonomi dan sosial membuka ruang dan peluang kepada berlakunya rasuah dan pelanggaran etika. Usaha untuk menangani rasuah boleh difokuskan kepada 3 elemen iaitu :-

RASUAH

- Ikatan sosial yang rapuh di mana hubungan sesama individu lebih bersifat materialistik dan berkepentingan (komisyen dan kekayaan).
- Rasa tanggungjawab terhadap orang lain yang tiada hubungan semakin hilang.
- Tindakan yang diambil tanpa menghiraukan risiko kepada orang lain, persekitaran, masa depan bangsa, agama dan negara.

GOVERNANS

Kelemahan dalam kepimpinan dan pentadbiran seperti penggunaan sistem secara manual dan tiada pusingan kerja.

INTEGRITI

- Penyalahgunaan kuasa dalam menjalankan tugas harian.
- Pencurian maklumat oleh individu yang tidak bertanggungjawab.
- Berlakunya campur tangan pihak yang mempunyai kepentingan dalam membuat

GEJALA RASUAH DALAM ORGANISASI




KEPENTINGAN PERANCANGAN SENARIO



SENARIO MASA HADAPAN

Merupakan gambaran kepada senario rasuah yang mungkin berlaku pada masa hadapan. Segala bentuk kemungkinan rasuah telah dikenal pasti dan perancangan serta penyelesaian yang praktikal telah disediakan. Pelan Antirasuah Nasional (NACP) 2019 - 2023 telah meletakkan empat senario utama bagi meramalkan keadaan yang mungkin berlaku pada masa hadapan.




BIDANG BERISIKO

PENTADBIRAN & PEROLEHAN AWAM

Merujuk kepada sistem peraturan, amalan, proses kerja dan proses pembelian barang dan perkhidmatan oleh JPeNS. Bidang ini dilihat berisiko kerana boleh terdedah kepada tuntutan palsu dan penyalahgunaan kuasa oleh pihak yang diberi kuasa bagi memuaskan kepentingan diri. Bidang ini telah dilihat berisiko terdedah kepada aktiviti rasuah.

PERUNDANGAN

Merujuk kepada tadbir urus pendakwaan Syariah dan penguatkuasaan perundangan Syariah. Bidang ini berisiko kepada campur tangan pihak berkepentingan dan kebocoran maklumat kes pendakwaan. Bidang ini juga dilihat berisiko terdedah dengan ruang dan peluang kepada salah laku dan gejala rasuah.



BAB 3

ANALISIS DATA

DAPATAN LAPORAN SPRM

Berdasarkan rekod SPRM sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2018 hingga 2023 (Januari), JPENS mencatatkan rekod tiada sebarang kes yang berkaitan SPRM.

STATISTIK BERKAITAN JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN BAGI TAHUN 2018 HINGGA JANUARI 2023					
TAHUN	MAKLUMAT	KERTAS SIASATAN	TANGKAPAN	PERTUDUHAN	SABITAN
2018	0	0	0	0	0
2019	0	0	0	0	0
2020	0	0	0	0	0
2021	0	0	0	0	0
2022	0	0	0	0	0
2023 (JAN)	0	0	0	0	0
JUMLAH KESELURUHAN	0	0	0	0	0

Sumber : Bahagian Pengurusan Rekod dan Maklumat, SPRM



DAPATAN LAPORAN AUDIT

Berdasarkan Laporan Auditan Pengurusan Kewangan di JPeNS tahun 2022, didapati terdapat kelemahan di dalam pengurusan perkara berikut yang boleh membawa kepada risiko rasuah, integriti dan governans:

BIL.	PERKARA	TAHAP RISIKO
1.	Tuntutan elaun perjalanan	Signifikan
2.	Tuntutan elaun lebih masa	Signifikan
3.	Pengurusan Kenderaan Kerajaan	Tinggi
4.	Pengurusan Aset Jabatan	Tinggi

DAPATAN SOAL SELIDIK

Kajian soal selidik telah dilakukan terhadap warga JPeNS bagi mengumpulkan maklumat berkaitan risiko rasuah, integriti dan governans. Berikut adalah dapatan dari soal selidik yang telah dilakukan:



BAB 4

PELAN TINDAKAN DAN INISIATIF

KERANGKA OACP

VISI

- Menjadi Sebuah Agensi Pendakwaan Syariah Yang Berintegriti Dan Sifar Rasuah

MISI

- Memastikan Sistem Pendakwaan Yang Adil, Cekap Dan Berkesan Berasaskan Undang Undang Dan Hukum Syarak
- Membudayakan Amalan Integriti Yang Tinggi Serta Mewujudkan Budaya Kerja Bebas Rasuah

MATLAMAT

- Meningkatkan Tahap Amanah, Ketelusan Dan Akauntabiliti Dalam Penyampaian Perkhidmatan
- Menutup Ruang Dan Peluang Salah Laku Rasuah, Penyalahgunaan Kuasa

BIDANG KEUTAMAAN

STRATEGI

PENTADBIRAN

Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Untuk Menjamin Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlang

PERUNDANGAN

Melaksanakan Pendakwaan Syariah Yang Adil Berkualiti Dan Berintegriti Selaras Dengan Undang-Undang Dan Hukum Syarak

PEROLEHAN AWAM

Memperkasakan Tadbir Urus Organisasi Untuk Menjamin Penyampaian Perkhidmatan Yang Cemerlang

PENGURUSAN PENYELIDIKAN

Memperkuuhkan Penyelidikan Perundangan Bagi Meningkatkan Keberkesanan Pentadbiran Keadilan Jenayah Syariah

4 BIDANG KEUTAMAAN



4 STRATEGI



5 OBJEKTIF STRATEGIK



85 INISIATIF

BIDANG KEUTAMAAN: **PENTADBIRAN**

STRATEGI 1: MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MENJAMIN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG

OBJEKTIF STRATEGIK 1.1: MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI WARGA JABATAN DALAM PENGURUSAN PENTADBIRAN

Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Pemalsuan dokumen dan butiran palsu dalam urusan perkhidmatan seperti: i) Elaun perjalanan ii) Elaun dan kemudahan pakaian rasmi iii) Elaun telefon bimbit iv) Elaun lebih masa v) Sijil cuti sakit vi) Elaun Penceramah vii) Kemudahan pinjaman komputer/kenderaan	1.1 Mengadakan bengkel/taklimat berkenaan pengurusan kewangan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		1.2 Membuat hebahan mengenai pematuhan terhadap Arahan Perbendaharaan kepada seluruh warga JPnS secara berterusan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		1.3 Membuat semakan silang bersama pihak yang mengeluarkan dokumen tersebut mengikut keperluan jika terdapat keraguan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		1.4 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan

OBJEKTIF STRATEGIK 1.2 MENGURUSKAN ASET KERAJAAN DENGAN TELUS DAN TERATUR

Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Penyelewengan pengurusan kenderaan jabatan. i) Penipuan Servis ii) Alat ganti	1.1 Mengadakan bengkel/taklimat berkenaan pengurusan kenderaan jabatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Mac 2024
		1.2 Menghadiri kursus pemanduan berhemah	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 tahun sekali
		1.3 Membuat audit dalaman pematuhan SOP Pengurusan Aset secara berkala	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 kali setahun
		1.4 Memberikan kesedaran dan peringatan secara berkala kepada pegawai dalam menjaga aset jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		1.5 Mengadakan kursus dan taklimat pemantapan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		1.6 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
2.	Penyalahgunaan kad inden minyak	2.1 Mengadakan bengkel/taklimat berkenaan pengurusan aset	Bahagian Khidmat Pengurusan	Mac 2024
		2.2 Menjalankan pemantauan terhadap pematuhan SOP Pengurusan Aset Jabatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 kali setahun
		2.3 Memberikan kesedaran dan peringatan secara berkala kepada pegawai dalam menjaga aset jabatan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		2.4 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
3.	Kehilangan aset dan kegagalan melaporkan dengan kadar segera	3.1 Mengadakan bengkel/taklimat berkenaan pengurusan aset	Bahagian Khidmat Pengurusan	Mac 2024
		3.2 Membuat edaran peringatan terhadap pematuhan SOP Pengurusan Aset	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		3.3 Melaporkan kepada pihak berkuasa melalui Ketua Jabatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		3.4 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan.	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
4.	Penyalahgunaan aset jabatan	4.1 Mengadakan bengkel/taklimat berkenaan pengurusan aset	Bahagian Khidmat Pengurusan	Mac 2024
		4.2 Membuat edaran peringatan terhadap pematuhan SOP Pengurusan Aset	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		4.3 Memastikan kebenaran diberikan oleh pegawai aset	Bahagian Khidmat Pengurusan	1 Disember 2023
		4.4 Melaksanakan pemeriksaan aset yang bernilai tinggi secara mengejut	Bahagian Khidmat Pengurusan	1 kali setahun
		4.5 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan

BIDANG KEUTAMAAN: PEROLEHAN AWAM

STRATEGI 2: MEMPERKASAKAN TADBIR URUS ORGANISASI UNTUK MENJAMIN PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN YANG CEMERLANG

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI WARGA JABATAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN					
Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)		Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Menggunakan Orang Tengah Dalam Urusan Sebut Harga/Perolehan Untuk Kepentingan Diri	1.1	Memastikan pelaksanaan <i>integrity pact</i> secara menyeluruh	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		1.2	Mewujudkan SOP/Garis Panduan- <i>Conflict of Interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2024
		1.3	Mengambil tindakan punitif kepada mereka yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
2.	Kebocoran Maklumat Sebut Harga	2.1	Memastikan pelaksanaan <i>integrity pact</i> secara menyeluruh	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		2.2	Menambah kriteria <i>integrity pact</i> dalam senarai semak penyebut harga	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jun 2024
		2.3	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		2.4	Mengadakan kursus berkaitan pengurusan perolehan	Bahagian Khidmat Pengurusan	2 tahun sekali
		2.5	Memasang CCTV di bilik mesyuarat	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2025
		2.6	Arahan larangan penggunaan <i>smartphone</i> di dalam bilik mesyuarat semasa mesyuarat perolehan berlangsung	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		2.7	Mewujudkan SOP/Garis Panduan- <i>conflict of interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2024
		2.8	Mewujudkan SOP/Garis Panduan- <i>Whistle Blowing Policy</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2024

OBJEKTIF STRATEGIK 2.1: MENINGKATKAN AKAUNTABILITI DAN INTEGRITI WARGA JABATAN DALAM PENGURUSAN PEROLEHAN DAN KEWANGAN					
Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)		Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.	Pemilihan pembekal dan kontraktor yang berulang atas kepentingan peribadi	3.1	Memastikan pelaksanaan <i>integrity pact</i> secara menyeluruh	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		3.2	Menambah kriteria <i>integrity pact</i> dalam senarai semak penyebut harga	Bahagian Khidmat Pengurusan	Jun 2024
		3.3	Menyimpan rekod pembekal yang berjaya dalam perolehan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Setiap tahun
		3.4	Mewujudkan SOP/Garis Panduan- <i>Conflict of Interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2024
		3.5	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
4.	Kajian pasaran tidak dilaksanakan (pembelian terus)	4.1	Mengedarkan hebahan/peringatan dalaman berkaitan keperluan kajian pasaran	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		4.2	Mendapatkan kebenaran khas daripada Pegawai Pengawal/Pegawai Kewangan Negeri	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		4.3	Mewujudkan SOP/Garis Panduan- <i>Conflict of Interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2024
		4.4	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
5.	Penyewaan peralatan ICT lebih mahal dan tidak munasabah	5.1	Permohonan penyambungan kontrak sewaan berdasarkan kepada prestasi perkhidmatan yang dibekalkan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		5.2	Mewujudkan SOP/Garis Panduan- <i>Conflict of Interest</i>	Bahagian Khidmat Pengurusan	Disember 2024
		5.3	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan

BIDANG KEUTAMAAN: PERUNDANGAN

STRATEGI 3: MELAKSANAKAN PENDAKWAAN SYARIAH YANG ADIL BERKUALITI DAN BERINTEGRITI SELARAS DENGAN UNDANG-UNDANG DAN HUKUM SYARAK

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: MENAMBAHBAIK PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN DENGAN LEBIH EFISIEN					
Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)		Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Kebocoran Maklumat Kes Kepada Pihak Lain Yang Berkepentingan	1.1	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		1.2	Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		1.3	Melaksanakan Pusingan Kerja Minimum 3 Tahun Perkhidmatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		1.4	Mewujudkan dan Menguatkuasakan Arahan Ketua Pendakwa Syarie (Garis Panduan <i>Conflict Of Interest</i>) Tahun 2024	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2025
		1.5	Mewujudkan dan Meluncurkan SOP Pentadbiran Dan Pengurusan Fail Kes Bahagian Perundangan Perbicaraan Dan Rayuan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
2.	Pegawai menjadi agen dengan mempengaruhi dan mendorong sebarang tindakan pendakwaan	2.1	Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		2.2	Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		2.3	Melaksanakan Pusingan Kerja Minimum 3 Tahun Perkhidmatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		2.4	Mewujudkan dan Menguatkuasakan Arahan Ketua Pendakwa Syarie (Garis Panduan <i>Conflict Of Interest</i>) Tahun 2024	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2025
		2.5	Mewujudkan dan Meluncurkan SOP Pentadbiran Dan Pengurusan Fail Kes Bahagian Perundangan Perbicaraan Dan Rayuan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
		2.6	Mewujudkan Borang Aduan Salah Laku Pegawai	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Disember 2023
		2.7	Melaporkan Statistik Salah Laku Melalui Mesyuarat Pengurusan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	2 kali setahun

OBJEKTIF STRATEGIK 3.1: MENAMBAHBAIK PENGURUSAN DAN PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN DENGAN LEBIH EFISIEN				
Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
3.	Salah guna kuasa pegawai dalam sebarang tindakan pendakwaan kes	3.1 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		3.2 Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		3.3 Melaksanakan Pusingan Kerja Minimum 3 Tahun Perkhidmatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		3.4 Mewujudkan dan Menguatkuasakan Arahan Ketua Pendakwa Syarie (Garis Panduan <i>Conflict Of Interest</i>) Tahun 2024	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2025
		3.5 Mewujudkan dan Meluncurkan SOP Pentadbiran Dan Pengurusan Fail Kes Bahagian Perundangan Perbicaraan Dan Rayuan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
		3.6 Mewujudkan Borang Aduan Salah Laku Pegawai	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
		3.7 Melaporkan Statistik Salah Laku Melalui Mesyuarat Pengurusan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	2 kali setahun
		3.8 Mengadakan Ikrar Pendakwa Syarie Peringkat Jabatan Setahun Sekali	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
4.	Manipulasi rekod dan dokumen dalam kertas siasatan	4.1 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		4.2 Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		4.3 Melaksanakan Pusingan Kerja Minimum 3 Tahun Perkhidmatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		4.4 Mewujudkan dan Menguatkuasakan Arahan Ketua Pendakwa Syarie (Garis Panduan <i>Conflict Of Interest</i>) Tahun 2024	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2025
		4.5 Mewujudkan dan Meluncurkan SOP Pentadbiran Dan Pengurusan Fail Kes Bahagian Perundangan Perbicaraan Dan Rayuan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
		4.6 Mengeluarkan peringatan tegas terhadap salah laku memanipulasi dokumen kepada semua warga jabatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
5.	Penyalahgunaan bahan bukti untuk kepentingan peribadi	5.1 Mengambil tindakan punitif kepada pegawai yang melanggar peraturan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		5.2 Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		5.3 Melaksanakan Pusingan Kerja Minimum 3 Tahun Perkhidmatan	Bahagian Khidmat Pengurusan	Berterusan
		5.4 Mewujudkan dan Menguatkuasakan Arahan Ketua Pendakwa Syarie (Garis Panduan <i>Conflict Of Interest</i>) Tahun 2024	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2025
		5.5 Mewujudkan dan Meluncurkan SOP Pentadbiran Dan Pengurusan Fail Kes Bahagian Perundangan Perbicaraan Dan Rayuan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Januari 2024
		5.6 Melaporkan salah guna bahan bukti kepada pihak berkuasa melalui Ketua Jabatan	Bahagian Perundangan, Perbicaraan dan Rayuan	Berterusan

BIDANG KEUTAMAAN: PENGURUSAN PENYELIDIKAN

STRATEGI 4: MEMPERKUKUKKAN PENYELIDIKAN PERUNDANGAN BAGI MENINGKATKAN KEBERKESANAN PENTADBIRAN Keadilan Jenayah Syariah

OBJEKTIF STRATEGIK 4.1: MENAMBAHBAIK PENGURUSAN PENYELIDIKAN DENGAN LEBIH EFISIEN				
Bil	Risiko/Potensi Risiko (Kelemahan: Rasuah/ Governans/Integriti)	Inisiatif/Tindakan (Tangani/Atasi Risiko)	Peneraju/ Pelaksana	Tempoh Masa Pelaksanaan
1.	Penyalahgunaan sumber geran untuk tujuan peribadi	1.1 Mengeluarkan Laporan Perbelanjaan Dana Geran Kajian Penyelidikan Kepada Ketua Jabatan	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Disember 2024
		1.2 Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		1.3 Mewujudkan surat perakuan bagi setiap kali permohonan tuntutan perbelanjaan dalam tempoh kajian	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2024
		1.4 Mewujudkan Jawatankuasa Bagi Melaksanakan Pemantauan Dan Pemeriksaan Mengejut	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2024
2.	Bekalan buku yang diterima tidak mengikut spesifikasi tempahan: i) Tajuk buku ii) Kuantiti iii) Kualiti iv) Tempoh masa penghantaran	2.1 Menubuhkan jawatankuasa pembelian buku	Bahagian Penyelidikan Perundangan	Januari 2024
		2.2 Mengadakan kursus dan taklimat pengukuhan integriti	Bahagian Khidmat Pengurusan	Januari 2024
		2.3 Pemantauan dari segi semakan bersama semasa penerimaan buku antara KPP bahagian dan jawatankuasa pembelian buku	Ketua Jabatan	Berterusan

BAB 5

MEKANISME PEMANTAUAN & PENILAIAN

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) SUK NEGERI SEMBILAN

- ◆ Dipengerusikan oleh Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan.
- ◆ Menerima laporan status pencapaian dan pelaksanaan inisiatif OACP.
- ◆ Mengenal pasti penyelesaian terbaik dan membuat keputusan.

JAWATANKUASA ANTIRASUAH (JAR) JPeNS

- ◆ Dipengerusikan oleh Ketua Pendakwa Syarie
- ◆ Mengenal pasti isu, masalah dan langkah-langkah penambahbaikan berdasarkan inisiatif yang dibuat.
- ◆ Meneliti dan mengkaji keberkesanan inisiatif OACP setiap suku tahun.
- ◆ Mengambil tindakan pembaharuan OACP pada akhir tempoh pelan.


PELAKSANAAN OACP

- ◆ Memastikan setiap bahagian melaksanakan inisiatif dan membuat pemantauan melalui aktiviti/program yang dirancang.
- ◆ Mengemukakan laporan pelaksanaan setiap suku tahun kepada Penyelaras OACP.

PENILAIAN OACP


- ◆ Mengenal pasti kekuatan dan kelemahan setiap inisiatif
- ◆ Memastikan aktiviti dilaksanakan sebagaimana dirancang
- ◆ Menilai sama ada aktiviti yang menyokong strategi berorientasikan matlamat yang dicapai.

MEKANISME PENILAIAN



JAWATANKUASA PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI (OACP)

JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN
2023 – 2027



PENGHARGAAN

Setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Unit Integriti Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sembilan, Ahli Jawatankuasa OACP JPeNS dan seluruh warga kerja yang menjayakan Pelan OACP JPeNS 2023 – 2007.

**BENGKEL PENYEDIAAN PELAN
PENGURUSAN RISIKO RASUAH (CRM)
DAN PELAN ANTIRASUAH ORGANISASI
(OACP)**

**JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI
SEMBILAN**

TARIKH : 25 – 27 SEPTEMBER 2023

**TEMPAT : KLANA BEACH RESORT
PORT DICKSON**

**PENCERAMAH : PUAN ROSLINA BINTI
AZALI
(KETUA UNIT INTEGRITI
PEJABAT SUK NEGERI
SEMBILAN)**







JABATAN PENDAKWAAN SYARIAH NEGERI SEMBILAN

**ARAS 11, MENARA MAINS, JALAN TAMAN BUNGA,
70100 SEREMBAN, NEGERI SEMBILAN.**

NO TEL : 06-7614077 FAKS : 06-7614126

E-MEL : jpens@ns.gov.my

FACEBOOK : <https://www.facebook.com/jpensn9>